

U 0004 AAB
MAHATHIR - TUNKU R'R'R'

I

KUALA LUMPUR, 11 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN TUNKU ABDUL RAHMAN HARI INI MENGADAKAN PERTEMUAN TERTUTUP BAGI MEMBINCANGKAN MENGENAI PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU DI KEDIAMAN BEKAS PERDANA MENTERI ITU DI BUKIT TUNKU DI SINI.

PERBINCANGAN SELAMA TIGA PULUH MINIT ITU DIADAKAN DALAM SUASANA TERUS TERANG DAN MESRA, SETIAUSAHA AKHBAR PERDANA MENTERI, ENCIK JALALUDIN BHAUDIN MEMBERITAHU PEMBERITA YANG MENUNGGU DI LUAR PAGAR KEDIAMAN TUNKU.

+SAYA PASTI PERDANA MENTERI AMAT GEMBIRA DENGAN PERBINCANGAN ITU.....SENYUMAN JELAS TERUKIR PADA WAJAH KEDUA-DUA MEREKA SEPANJANG PERBINCANGAN TERSEBUT,+ TAMBAHNYA.

BAGAIAMANPUN ENCIK JALALUDIN BERKATA, BELIAU TIDAK DAPAT MENGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI +PERTEMUAN EMPAT MATA+ ANTARA DR MAHATHIR DAN TUNKU.

+SAYA TELAH DIBERITAHU BAHAWA MEREKA BERDUA TELAH SALING BERTUKAR PENDAPAT DALAM SUASANA MESRA BERSABIT SOAL PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU,+ KATANYA.

TUNKU, YANG MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PERDANA MENTERI PADA 21 SEPT 1970IALAH PENASIHAT PARTI SEMANGAT 46, PARTI YANG DITUBUHKAN OLEH BEKAS PEMIMPINUMNO YANG DIKETUAI OLEH BEKAS MENTERI PERDANANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH. -- LAGI
1522MST 11 11 89

U B086 AAB
MAHATHIR - TUNKU 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

I

MENTERI BELIAU DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, YANG JUGA SELAKU KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO DAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK NAPSIAH OMAR YANG JUGA NAIB KETUA PERGERAKAN WANITA MENGIRINGI PERDANA MENTERI KE KEDIAMAN TUNKU TETAPI KEDUA-DUA MEREKA BERADA DALAM SATU BILIK LAIN KETIKA PERTEMUAN ITU BERLANGSUNG.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG TIBA PADA PUKUL 11.18 PAGI, TERSENYUM DAN MELAMBAI-LAMBAIKAN TANGAN KE ARAH PARA PEMBERITA YANG TELAH BERKUMPUL DI LUAR PAGAR KEDIAMAN TUNKU KIRA-KIRA SETENGAH JAM TERDAHULU DARIPADA ITU. HANYA JURUGAMBAR YANG DIBENARKAN MASUK.

TUNKU, YANG KELIHATAN MEMEGANG SEBATANG TONGKAT DI TANGAN KIRINYA MENYAMBUK KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR DI PINTU DAN PERDANA MENTERI BERSALAM DAN MENGUCUP TANGAN TUNKU.

+KEDUA-DUA MEREKA AMAT GEMBIRA DAPAT BERTEMU ANTARA SATU SAMA LAIN,+ KATA ENCIK JALALUDIN DAN MENAMBAH KATA BAHAWA TUNKU TELAH MENGATAKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA MEREKA TELAH AGAK LAMA TIDAK BERJUMPA.

ENCIK JALALUDIN PERCAYAI BAHAWA PERDANA MENTERI AKAN MEMBERI TAKLIMAT KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO BERSABIT PERTEMUANNYA DENGAN TUNKU KERANA INI SATU PERKARA BIASA MEMANDANGKAN BELIAU IALAH PRESIDEN PARTI.+ -- LAGI
1538MST 11 11 89

D814

U B089 AAB
MAHATHIR - TUNKU 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

I

APABILA DITANYA SAMA ADA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENYAMPAIKAN JEMPUTAN KEPADA TUNKU UNTUK MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA HARI JUMAAT INI, ENCIK JALALUDDIN BERKATA, JEMPUTAN KEPADA TUNKU ITU TELAHPUN DISAMPAIKAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG PARTI, DATUK MOHAMED RAHMAT MALAM TADI.

SEORANG JURUCAKAP BEKAS PERDANA MENTERI YANG ADA BERSAMA ENCIK JALALUDIN BERKATA, TUNKU TELAH MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU AKAN MENGHADIRI PERAYAAN ULANGTAHUN PERGERAKAN WANITA UMNO YANG KE-40 RABU DEPAN SERTA TURUT MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG ITU.

PARA PEMBERITA TELAH BERUSAHA UNTUK BERJUMPA DENGAN TUNKU TETAPI DIBERITAHU BAHAWA BEKAS PERDANA MENTERI ITU TIDAK AKAN BERTEMU MEREKA HARI INI. BAGAIMANAPUN RTM TELAH DIBENARKAN UNTUK MENEMURAMAH TUNKU SELEPAS PERTEMUAN ITU.

BERITA-BERITA MENGENAI PERTEMUAN ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN TUNKU TELAH DISAMBUT BAIK OLEH RAMAI SELEPAS SEBUAH AHKBAR MELAPORKAN MENGENAINYA DUA HARI LEPAS.

PARA PEMIMPIN UMNO BERKATA, PERTEMUAN ITU MERUPAKAN SATU USAHA KE ARAH MENCAPAI PERPADUAN DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU.

PERTEMUAN ITU ADALAH HASIL SATU PERJUMPAAN DELGASI PERGERAKAN PEMUDA UMNO YANG DIKETUAI OLEH DATUK SERI NAJIB PADA 29 OKT LEPAS. PERGERAKAN WANITA UMNO YANG DIKETUAI OLEH NAIB KETUANYA, DATUK NAPSIAH OMAR KEMUDIAN BERTEMU DENGAN TUNKU PADA HARI SELASA.

SELEPAS PERDANA MENTERI MENINGGALKAN KEDIAMAN TUNKU, DATUK SERI NAJIB DAN DATUK NAPSIAH PULA BERTEMU DENGAN BEKAS PERDANA MENTERI ITU UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADANYA KERANA PERBINCANGAN YANG DIADAKAN HARI INI. -- BERNAMA

1552MST 11 11 89